



28 JUN, 2023

Rekod nilai jualan usahawan melalui ABO capai RM 11.07 juta

Utusan Sarawak, Malaysia

Rekod nilai jualan usahawan melalui ABO capai RM11.07 juta

AZREEN KERIA

KUCHING: Rekod nilai jualan usahawan melalui Portal Agrobazaar Online (ABO) bermula 2014 sehingga kini mencapai RM11.07 juta.

Pemangku Ketua Pengarah FAMA, Abdul Rashid Bahri berkata, nilai jualan usahawan ABO bagi tahun ini, iaitu mulai Januari 2023 hingga sekarang telah mencapai sebanyak RM1.03 juta.

"Portal Agrobazaar Online (ABO) merupakan sebuah platform e-dagang pemasaran maya produk pertanian dan agro-makanan yang menemukan pengeluar, pengilang, pembekal dan pengguna.

"Portal ini diuruskan sepenuhnya oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)," katanya dalam majlis Program Kursus Solusi Pemiagaan Melalui Pemasaran Digital 2023.

Program Kursus Solusi Pemiagaan Melalui Pemasaran Digital 2023 ini diadakan adalah cetusan idea yang lahir dengan tujuan memberi pendedahan, pengalaman dan peluang pemiagaan kepada semua peserta kursus bagi mema-

hami teknik dan kaedah pemasaran di media sosial seperti TikTok yang semakin berkembang dan berkesan pada masa kini.

"Sepanjang kursus dua peserta akan didedahkan mengenai potensi dalam pemiagaan melalui media sosial seperti TikTok dan penggunaan Google Ads bagi memasarkan produk pemiagaan mereka.

"Oleh itu, pihak FAMA telah menjemput penceramah berpengalaman bagi memberi tunjuk ajar kepada semua peserta berkenaan pemiagaan melalui pemasaran digital.

"Peserta juga akan mempelajari teknik dan kaedah pemasaran di media sosial yang semakin berkembang dan berkesan.

Selain itu juga, peserta dapat meningkatkan kefahaman bagi penggunaan alat-alat promosi sedia ada di media sosial serta

medium digital lain," ujarnya.

Beliau berharap semua peserta kursus dapat mengaplikasikan ruang dan peluang yang ada bagi meningkatkan pasaran dan pendapatan usahawan seiring dengan perkembangan teknologi pada masa kini.

"Dengan adanya kursus sebegini ia boleh meningkatkan pen-

dapatan semua golongan, seterusnya membantu usaha untuk menjamin sekuriti makanan negara."

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menganjurkan Kursus Solusi Pemiagaan Melalui Pemasaran Digital 2023 telah dihadiri seramai 57 peserta kursus daripada seluruh bahagi-

an di Negeri Sarawak.

Program kursus ini telah dirasmikan oleh Pemangku Ketua Pengarah FAMA, Abdul Rashid Bahri.

Turut hadir Pengarah Bahagian Pemasaran Digital FAMA, Mohamad Paisal Amri, dan Timbalan Pengarah (Pembangunan) FAMA Negeri Sarawak, Siti Rafiza Nawawi.



PENERANGAN....
Abdul Rashid Bahri memberi penerangan pada Program Kursus Solusi Pemiagaan Melalui Pemasaran Digital 2023.

PRODUK TEMPATAN...
Abdul Rashid Bahri menunjukkan produk dihasilkan oleh peserta.





28 JUN, 2023

Rekod nilai jualan usahawan melalui ABO capai RM 11.07 juta

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

KUCHING: Rekod nilai jualan usahawan melalui Portal Agrobazaar Online (ABO) bermula 2014 sehingga kini mencapai RM11.07 juta. Pemangku Ketua Pengarah FAMA, Abdul Rashid Bahri berkata, nilai jualan usahawan ABO bagi tahun ini, iaitu mul^i Januari 2023 hingga sekarang telah men^ capai sebanyak RM1.03 juta."Portal Agrobazaar Online (ABO) merupakan sebuah platform e-dagang pemasaran maya produk pertanian dan agro-makanan yang menemukan pengeluar, pengilang, pembekal dan pengguna.